

27/05/2002

Ahli Kongres AS bidas cara CNN temu ramah PM

KUALA LUMPUR, Ahad - Majoriti Ahli Kongres dan pentadbir di Capitol Hill menampelak gaya stesen televisyen CNN menemuramah Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana dilihat cuba mengaut simpati secara tidak profesional.

Umno-Online, laman web milik Umno dalam laporannya memetik sumber kedutaan Malaysia di Washington sebagai berkata CNN ternyata silap strategi apabila provokasi yang mereka gunakan semasa mewawancara Perdana Menteri selepas menemui Presiden George W Bush, gagal menepati rancangan awal mereka.

Ia menyatakan walaupun pengacara program wawancara itu, Zain Vergee cuba menjatuhkan kredibiliti kerajaan Malaysia dengan isu Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) dan isu Datuk Seri Anwar Ibrahim secara bertalu-talu tanpa membenarkan Dr Mahathir menjelaskan kedudukan secara sempurna, helah CNN itu gagal menarik perhatian Ahli Kongres Amerika Syarikat.

Baru-baru ini sekembalinya dari Washington, Dr Mahathir membidas CNN yang bukan saja tidak memberinya peluang membuat penjelasan mengenai pelbagai isu penting, malah membuat kenyataan dan tanggapan mereka sendiri.

"Penemuramah CNN ini ada satu pendekatan iaitu apabila membuat soalan dia membuat kenyataan yang panjang, yang menuduh kita itu dan ini, dan akhirnya bertanya soalan yang tiada kaitan dengan kenyataan yang dibuat. Dengan cara itu nampak seolah-olah orang yang ditemuramah menerima kenyataan yang dibuat penemuramah berkenaan. Inilah cara kotor yang digunakan CNN," kata Perdana Menteri dalam sidang akhbar ketika itu.

Laman web itu turut memetik Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar sebagai berkata bahawa usaha jahat media asing berpengaruh seperti CNN itu kini dianggap sebagai cara usang pihak yang mempunyai agenda politik kotor di peringkat global.

"Pertemuan Dr Mahathir dengan Bush baru-baru ini bukan sekadar menjernihkan hubungan diplomatik kedua-dua negara malah Amerika Syarikat sendiri berasa kagum kerana walaupun diasak dengan pelbagai bentuk provokasi, kerajaan Malaysia tetap teguh dengan pendiriannya dan dapat pula menjelaskan kedudukan sebenar tohmahan dilemparkan itu.

"Sesungguhnya kerajaan didukung Umno dan Barisan Nasional pimpinan Dr Mahathir kini disegani malah idea kita mengenai semua isu politik, ekonomi, sosial dan usaha memerangi keganasan global diterima di peringkat dunia dengan kerajaan Amerika Syarikat sendiri akur akan realiti yang kita jelaskan," katanya kepada Umno-Online.

Dalam perkembangan berkaitan, Umno-Online mendapat maklumat beberapa sumber rasmi pertubuhan bukan kerajaan (NGO) prokerajaan kononnya kempen menjatuhkan imej Malaysia di peringkat dunia berdepan dengan kegagalan secara menyeluruh.

"Lebih menarik, banyak maklumat atau data mengenai kempen itu yang dihantar kepada beberapa pihak yang rapat dengan kerajaan Amerika Syarikat serta NGO asing yang bergerak kononnya memperjuangkan hak asasi manusia tidak lagi diterima secara bulat-bulat seperti sebelum ini.

"Pihak yang menerima maklumat, kebanyakannya adalah data yang memburukkan Malaysia kini lebih suka untuk mendapatkan maklum balas terus daripada kedutaan Malaysia di Washington," katanya.

Ia menyatakan pertemuan Dr Mahathir dengan Bush baru-baru ini mengandungi impak besar terhadap masa depan politik Malaysia dengan kerajaan sekarang diakui sebagai model terbaik bukan hanya bagi isu

politik malah ekonomi global.
(END)